

'Pastikan harga ayam murah'

Langkah tidak kawal had import bekalan stabil harga runcit di pasaran tempatan

BH 21/6/08 m/s 14

Oleh Junita Mat Rasid

MUAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak mengehendkan jumlah ayam yang akan diimport untuk pasaran tempatan dalam memastikan pengguna mendapat bekalan pada harga lebih murah.

Menterinya, Datuk Shahrir Samad, berkata pihaknya tiada halangan atau kawalan ke atas jumlah ayam yang akan dibawa masuk ke negara ini dan ia tertakluk kepada permintaan pasaran.

Beliau berkata, langkah membenarkan import ayam itu memberi pilihan harga lebih rendah kepada pengguna, menambah persaingan pada peringkat runcit sekali gus menstabilkan harga di pasaran.

"Pengguna mempunyai pilihan untuk memilih ayam import yang dijual dengan harga yang rendah, tetapi jika mereka lebih suka ayam tempatan itu pilihan masing-masing."

"Mungkin mereka yang membeli dengan kuantiti yang banyak seperti asrama sekolah boleh membeli ayam proses yang diimport," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) cawangan Muar dan pelancaran produk baru E-Info, di sini, semalam.

Insin lalu, Jawatankuasa Kabinet Menangani Inflasi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memutuskan bekalan ayam dari negara jiran dijangka dibenarkan dibawa masuk tanpa had bagi menstabilkan harga runcit di pasaran tempatan yang kini dijual melebihi harga siling.

Sebelum ini, harga ayam proses di beberapa bandar, termasuk ibu negara dilaporkan dijual sehingga RM8 sekilogram, melebihi had siling yang ditetapkan iaitu RM6 sekilogram bagi ayam standard dan RM6.70 sekilogram bagi ayam super.

Peningkatan mendadak harga ayam itu dikatakan mempunyai kaitan dengan pertambahan kos pada peringkat ladang, termasuk kenaikan harga bahan makanan ternakan berkenaan.

Shahrir berkata, buat masa ini, pihaknya belum dapat memastikan jumlah sebenar import ayam yang diperlukan selain belum mengenal pasti menjadi pengimport ayam dari negara jiran.

Selain itu, Shahrir berkata, pihaknya akan memberi tumpuan kepada penguatkuasaan terhadap empat bahan kawalan utama iaitu minyak, beras, tepung dan minyak masak bagi memastikan bekalannya mencukupi.

INFO

SENARAI HARGA BARANG KEPERLUAN UTAMA

BARANG (kg)	JOHOR BAHRU		SEREMBAN		IPOH		GEORGETOWN		KUANTAN		K TERENGGANU		KOTA BHARU	
	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam
1. Ayam proses	RM6.50	RM6.50	RM7	RM7	RM6.50	RM6	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6	RM6
2. Ikan kembung	RM7.50	RM7.50	RM8.50	RM8.50	RM12	RM12	RM7.50	RM7.50	RM10	RM10	RM10	RM10	RM6	RM7
3. Ikan cencaru	RM6.50	RM7	RM5	RM5	RM10	RM10	RM5	RM5	RM6	RM5	RM7	RM7	RM5	RM6
4. Ikan bawal putih	RM38	RM35	RM20	RM20	RM30	RM30	RM40	RM40	RM25	RM25	tiada	tiada	-	-
5. Udang sederhana	RM13	RM15	RM12	RM12	RM14	RM14	RM13	RM13	RM12	RM12	RM15	RM15	RM16	RM14
6. Cili merah	RM9.50	RM9	RM10	RM10	RM10	RM10	RM8	RM8	RM9	RM10	RM8	RM8	RM17	RM17
7. Sawi	RM2.50	RM2.50	RM4	RM4	RM4	RM4	RM4.80	RM4.80	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3	RM2.50
8. Bayam	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.60	RM3	RM3	RM3	RM3	RM5	RM5	RM2	RM2.50
9. Kubis	RM2.50	RM2.50	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM3.50	RM3.50	RM2.50	RM2.30	RM3	RM3	RM3	RM3
10. Tomato	RM5	RM5	RM6	RM6	RM3.50	RM3.50	RM8	RM8	RM6	RM6	RM5	RM5	RM4	RM4
11. Kacang buncis	RM6	RM6	RM6.50	RM6.50	RM5.50	RM5.50	RM6	RM6	RM6	RM5	RM5	RM5	RM3	RM4.50
12. Kacang panjang	RM4	RM4	RM3	RM3	RM3.50	RM3.50	RM4	RM4	RM3	RM3	RM4	RM4	RM2	RM3.50
13. Bawang merah	RM7.50	RM7	RM6	RM6	RM5	RM5	RM5	RM5	RM2	RM2	RM2.50	RM2.50	RM1.60	RM1.50
14. Bawang besar	RM2	RM2	RM2.40	RM2.40	RM2	RM2	RM1.30	RM1.30	RM1.20	RM1.20	RM2	RM2	RM2	RM2
15. Ubi kentang	RM2	RM2	RM3.60	RM3.60	RM3	RM3	RM2	RM2	RM2.20	RM2.20	RM3	RM3	RM2	RM2
16. Santan	RM4.50	RM4.50	RM4.50	RM4.50	RM4	RM4	RM5	RM5	RM4	RM4	RM6	RM6	RM5	RM5
17. Daging tempatan	RM18	RM18	RM19	RM19	RM17	RM17	RM19	RM19	RM17	RM17	RM17	RM17	RM11	RM11.50
18. Daging import	RM12	RM11	RM11	RM11	RM12	RM12	-	-	RM11	RM11	RM11	RM11	RM15	RM15

BARANG (kg)	KUCHING		KOTA KINABALU		MELAKA		ALOR STAR		KANGAR		SHAH ALAM		KUALA LUMPUR		PUTRAJAYA	
	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam
1. Ayam proses	RM8	RM8	RM7.80	RM8	RM8	RM8	RM6	RM6	RM7.50	RM7.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6	RM7	RM8
2. Ikan kembung	RM7	RM7	RM8.50	RM8.50	RM8	RM8	RM6.50	RM6.50	RM7.50	RM7	RM11	RM12	RM7.50	RM7	RM10	RM10
3. Ikan cencaru	RM5	RM5	RM7.50	RM7.50	RM8	RM8	RM6	RM6	RM5.50	RM5.50	RM9	RM7	RM6	RM7	RM7.50	RM7.50
4. Ikan bawal putih	RM45	RM45	RM25	RM25	RM23	RM23	RM32	RM32	RM30	RM30	RM17	RM17	RM30	RM25	RM16	RM16
5. Udang sederhana	RM14	RM14	RM18	RM19.50	RM16	RM16	RM16	RM17	RM14	RM14	RM15	RM15	RM14	RM14	RM16	RM16
6. Cili merah	RM10	RM10	RM6	RM6	RM9	RM9	RM10.50	RM11	RM8	RM8	RM7.70	RM7.70	RM10	RM7	RM7	RM9
7. Sawi	RM4	RM3.50	RM4	RM3	RM3	RM3	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50
8. Bayam	RM4	RM3.50	RM4	RM3	RM2.50	RM2.50	RM2.40	RM2.30	RM3.50	RM3.50	RM2.55	RM2.55	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50
9. Kubis	RM3.50	RM3	RM3	RM3	RM3	RM3	RM3.30	RM3	RM3.50	RM3.50	RM2.35	RM2.35	RM3	RM2.50	RM2.50	RM2.50
10. Tomato	RM6	RM6	RM6	RM6	RM4	RM4	RM5.20	RM5.50	RM4	RM4	RM3.80	RM3.80	RM4.50	RM4.50	RM5	RM5
11. Kacang buncis	RM6	RM6	RM5	RM4	RM6	RM6	RM6	RM6	RM5	RM5	RM3.50	RM3.50	RM4	RM6	RM7	RM7
12. Kacang panjang	RM4	RM4	RM4	RM3	RM3	RM3	RM3.40	RM3.40	RM3.50	RM3.50	RM2.90	RM2.90	RM4	RM3.50	RM4.50	RM4.50
13. Bawang merah	RM4.40	RM4.40	RM7	RM5	RM4.80	RM4.80	RM4.50	RM4.50	RM3.50	RM3.50	RM9	RM9	RM7	RM4.50	RM2.50	RM2.50
14. Bawang besar	RM2.60	RM2.60	RM6	RM6	RM1.80	RM1.80	RM2.20	RM2.20	RM2.50	RM2.50	RM2	RM2.50	RM1.60	RM1.50	RM1.20	RM1.20
15. Ubi kentang	RM2.60	RM2.60	RM6	RM6	RM2.60	RM2.60	RM2.50	RM2.50	RM2	RM2	RM2.40	RM2.40	RM2.60	RM2.50	RM2.50	RM2.50
16. Santan	RM2	RM2	RM3	RM4	RM5	RM5	RM5	RM5	RM5	RM5	RM3.80	RM3.80	RM4	RM4.20	RM3.50	RM3.50
17. Daging tempatan	RM22	RM22	RM11	RM11.50	RM18	RM18	RM18	RM18	RM18	RM18	RM20	RM20	RM20	RM20	RM11	RM11
18. Daging import	RM18	RM18	RM11	RM11	RM11.80	RM11.80	RM11	RM11	RM11	RM11	RM9.20	RM9.20	RM18	RM12	RM18	RM18